

## **Pembangunan Program Jurutera Huffaz di Universiti Malaysia Pahang: Pencapaian dan Cabaran Semasa**

Rashidi Abbas<sup>1</sup>, Suhardi Mat Jusoh<sup>2</sup>, Mahyuddin Ismail<sup>3</sup>, & Muhammad Sallehudin Md Derus<sup>4</sup>  
*Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang<sup>1,2</sup>*  
*Pusat Islam dan Pembangunan Insan Universiti Malaysia Pahang<sup>3,4</sup>*  
*rashidi@ump.edu.my<sup>1</sup>, suhardi@ump.edu.my<sup>2</sup>, mahyuddin@ump.edu.my<sup>3</sup>*  
*sallehudin@ump.edu.my<sup>4</sup>*

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk meneliti pencapaian pelajar UMP yang di bawah program jurutera huffaz yang dikendalikan oleh Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan dan PIMPIN. Responden terdiri dari pelajar UMP yang berada di kampus Pekan dan Gambang yang berjumlah 15 orang secara keseluruhan. Metodologi kajian berbentuk kuantitatif dan dihuraikan secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan hanya 4 pelajar (26.6%) yang berjaya menghafal 5 juzuk dalam satu semester seperti yang ditetapkan. Secara keseluruhannya pencapaian pelajar boleh dikategorikan sebagai sangat cemerlang (mumtaz) seramai 4 orang (26.6%), seorang pelajar cemerlang (jayidd Jiddan) (6.6%), Sementara 7 pelajar (46.6%) mendapat pangkat kepujian (jayyid). Seterusnya 3 pelajar (20%) mendapat pangkat lulus (maqbul).

Kata kunci: Jurutera huffaz, Mumtaz, Jayyid Jiddan, Jayyid, Maqbul

### **PENDAHULUAN**

Mutakhir ini, senario semasa menyaksikan semakin ramai umat Islam di Malaysia berminat untuk menghafal al-Quran. Sekurang-kurangnya kesedaran untuk membaca al-Quran dilihat semakin meningkat secara positif, tambahan pula program yang berbentuk quranik seringkali ditayangkan di kaca-kaca televisyen (Ibrahim Abdul Mu'nim Asy Syarbini, 2011). Kita sering mendengar dan melihat rancangan qari junior, majlis tilawah quran, majlis hafazan quran dan lain-lain lagi. Sebenarnya raancangan seperti ini boleh merangsang minda masyarakat awam untuk mendekati secara lebih terperinci dan mendalami ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya. Tidak kurang juga anugerah dan kedudukan yang diberikan kepada pemenang pertandingan meninggalkan kesan kepada masyarakat umum untuk menyamai pencapaian peserta idolanya. Bagi memastikan kelancaran dan kesinambungan ilmu yang berkaitan al-Quran khususnya ilmu hafazan, maka diperlukan institusi formal untuk menggembelng tenaga-tenaga pakar dalam rangka melahirkan generasi quranik.

Justeru itu, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sedang merangka Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) bagi memperkasakan dan menyuburkan institusi pendidikan tahfiz al-Quran di negara ini. Menurut Mantan Perdana Menteri, kerajaan turut menyediakan ruang yang seluas-luasnya kepada madrasah-madrasah tahfiz yang ada di negara ini untuk memberikan pandangan dan cadangan kepada pembangunan dasar tersebut. Justeru itu, kerajaan menyasarkan untuk melahirkan 125,000 Huffaz seluruh negara menjelang tahun 2050 melalui dasar Transformasi Nasional 2050 (TN50). Sasaran itu adalah penting buat Malaysia bagi melahirkan sebuah generasi yang mampu membangunkan sebuah negara yang sejahtera, aman, harmoni dan mendapat keberkatan serta pengampunan daripada Allah SWT. Sehubungan dengan itu, lima teras dalam DPTN yang menjadi tunjang kepada pendidikan tahfiz telah dikemukakan. Dasar tersebut adalah:

- Memantapkan undang-undang dan penguatkuasa
- Mewujudkan model institusi tahfiz
- Mewujudkan kurikulum pendidikan tahfiz yang sesuai dengan pendidikan arus perdana
- Memperkasa tadbir urus institusi tahfiz

- Mewujudkan sistem pengiktirafan dan pensijilan bagi institusi tahfiz

Pembinaan dasar ini telah diselarikan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menyatakan bahawa “Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan Negara”.

Ruh Falsafah Pendidikan ini telah diaspirasikan melalui pengurusan tertinggi Universiti Malaysia Pahang bagi memperkenalkan program tahfiz kepada pelajar yang berlatarbelakangkan kejuruteraan. Aspirasi yang diwar-warkan ini bertepatan dengan Lonjakan Pertama PPPM (PT) 2015-2025 iaitu untuk melahirkan pelajar yang holistik, berminda keusahawanan dan seimbang. Seterusnya atribut pelajar dan graduan berdasarkan aspirasi pelajar yang dinyatakan di dalam PPPM (PT) 2015-2025 juga mempunyaiimbangan di antara akhlak (etika dan moral) dan ilmu (pengetahuan dan kemahiran). Apa yang lebih pentingnya pelaksanaan program ini adalah selaras dengan Pelan Strategik Universiti Malaysia Pahang 2016-2020 iaitu Lonjakan Satu-Keunggulan Akademik dan Lonjakan Lima-Keunggulan Jenama. Apabila dilihat kepada nilai teras pertama yang telah disepakati oleh pihak UMP iaitu hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta, maka program ini bermatlamatkan memberikan pendidikan seimbang dunia dan ukhrawi kepada mahasiswa/mahasiswi UMP. Gabungan yang kukuh dengan nilai aspirasi dari kerajaan, falsafah pendidikan negara dan nilai teras UMP, mudah-mudah dapat melahirkan pelajar yang cemerlang di dunia dan juga di akhirat.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Perkembangan semasa penawaran program tahfiz dapat dilihat dengan minat yang tinggi yang ditunjukkan oleh beberapa agensi kerajaan menjalinkan kerjasama dengan pihak Darul Quran (JAKIM). Pihak IPTA/IPTS memberikan komitmen untuk menjalinkan kerjasama dalam beberapa aspek iaitu bidang tujahan yang ditetapkan mengikut institusi masing-masing. Penawaran ini berteraskan kepada sijil atau diploma, begitu juga dengan program usahasama yang dijalin. Dimana akhirnya pelajar akan bergraduat bersama ijazah berkembar seperti yang ditawarkan. Contoh penawaran program tahfiz Darul Quran (JAKIM) dapat di lihat seperti di bawah:

| NO | INSTITUSI  | KURSUS  | PERINGKAT    |
|----|--|---|--------------|
| 1  | Jakim-Uiam   | Perubatan, Kejuruteraan, Farmasi Dan Seni Bina + Tahfiz | Sijil        |
| 2  | Jakim-Uniten   | Kejuruteraan+ Tahfiz                                    | Sijil        |
| 3  | Jakim-Cyber Jaya University College & Medical Sciences (Cucms) | Perubatan + Tahfiz                                      | Sijil        |
| 4  | Jakim-Utem   | Kejuruteraan  | Sijil        |
| 5  | Jakim-Politeknik Kptm (Psa)                                    | Pengajian Perniagaan + Tahfiz                           | Sijil        |
| 6  | Jakim-USim   | Sarjana Muda Al-Quran Dan Sunnah + Tahfiz               | Sarjana Muda |

Program tahfiz di Universiti Malaysia Pahang ini sebenarnya telah mengambil beberapa aspirasi program dari IPTA/IPTS yang telah menjalankan program seperti ini buat sekian tahun. Program ini dilihat dapat memberikan nilai tambah kepada pelajar tersebut dengan adunan dua kemahiran sekaligus (Rashidi Abbas, 2016). Pihak UMP menyasarkan program ini dapat memberi

peluang kepada mahasiswa/mahasisiwi untuk menghafal 5 juzu' Al-Quran di samping mempelajari ilmu kejuruteraan sekaligus dapat melahirkan sahsiah yang berketrampilan dan profesional di kalangan masyarakat. Matlamat utama pelaksanaan program ini adalah untuk melahirkan golongan profesional, teknokrat dan usahawan hafiz dan memiliki pelbagai kemahiran ilmu selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Program ini merupakan program yang dianjurkan oleh Pusat Islam dan Pembangunan Insan dengan kerjasama Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan. Perkongsian kepakaran untuk melahirkan pelajar cemerlang ini memerlukan nilai-nilai kemanusiaan yang perlu digembleng secukupnya.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian adalah meliputi cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat kajian. Metodologi kajian menjadikan kajian yang dijalankan lebih bersistematik dan perjalanan kajian lebih terarah dalam mencapai objektif. Bab ini akan menjelaskan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian yang dijalankan. Penulis telah merancang dengan teratur metodologi kajian dan strategi-strategi yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui kaedah-kaedah tertentu.

Penyelidik menggunakan kajian kuantitatif iaitu secara deskriptif. Data-data yang diperlukan dalam kajian ini dikumpulkan melalui borang soal selidik yang diedarkan.

### **1.1 Sampel Kajian**

Sampel kajian adalah terdiri daripada 15 orang pelajar program engineer huffaz Universiti Malaysia Pahang. Program ini merupakan program printis di Universiti Malaysia Pahang kampus Pekan dan Gambang.

### **1.2 Instrumen kajian**

Instrumen kajian dibangunkan mengikut keperluan program dan topik perbincangan penyelidikan

### **1.3 Analisis Kajian**

Data yang dikumpul dikodkan, direkodkan dan dianalisis menggunakan excel. Data dianalisis secara peratusan sahaja.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Mengenalpasti tahap pencapaian pelajar engineer huffaz secara keseluruhan berdasarkan kepada:

- 1.1 Pencapaian pelajar mengikut bilangan juzuk sepanjang satu semester
- 1.2 Pencapaian pelajar mengikut tahun pengajian pelajar
- 1.3 Pencapaian pelajar secara keseluruhan mengikut band yang ditetapkan

## **PERSOALAN KAJIAN**

Apakah tahap pencapaian pelajar engineer huffaz secara keseluruhan?

- 1.1 Pencapaian pelajar mengikut bilangan juzuk sepanjang satu semester
- 1.2 Pencapaian pelajar mengikut tahun pengajian pelajar
- 1.3 Pencapaian pelajar secara keseluruhan mengikut band yang ditetapkan

Jadual: Skala tahap kemampuan seseorang untuk menghafaz al-Quran

| <b>Tahap</b>         | <b>Keterangan</b>                            |
|----------------------|--|
| Sangat lemah hafazan | Menghafaz satu muka surat melebihi 150 minit |

|                     |   |
|---------------------|---|
| Lemah Hafazan       | Menghafaz satu muka surat kurang daripada 120 minit |
| Sederhana Hafazan   | Menghafaz satu muka surat kurang daripada 90 minit  |
| Kuat Hafazan        | Menghafaz satu muka surat kurang daripada 60 minit  |
| Sangat Kuat Hafazan | Menghafaz satu muka surat kurang daripada 30 minit  |

Jadual: Skala tahap pencapaian pelajar

| No | Tahap         | Keterangan       |
|----|---------------|------------------|
| 1  | Mumtaz        | Sangat Cemerlang |
| 2  | Jayidd Jiddan | Cemerlang        |
| 3  | Jayyid        | Kepujian         |
| 4  | Maqbul        | Lulus            |
| 5  | Rasib         | Gagal            |

## DAPATAN KAJIAN

Jadual 1.1: Data Responden

| KATEGORI            |   | KEKERAPAN | PERATUS |
|---------------------|---|-----------|---------|
| Jantina             | 1. Lelaki                               | 13        | 86.6%   |
|                     | 2. Perempuan                            | 2         | 13.4%   |
| Umur                | 1. 21 - 22                              | 7         | 46.6%   |
|                     | 2. 23-24                                | 5         | 33.3%   |
|                     | 3. 25-26                                | 2         | 13.3%   |
|                     | 4. 27-28                                | 1         | 6.6%    |
| Fakulti             | 1.Kejuruteraan Mekanikal                | 7         | 46.6%   |
|                     | 2.Kejuruteraan Pembuatan                | 1         | 6.6%    |
|                     | 3. Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik | 6         | 40%     |
|                     | 4. Kejuruteraan Komputer Dan Perisian   | 1         | 6.6%    |
| Pendidikan Menengah | 1.SMK                                   | 4         | 26.6%   |
|                     | 2.SMKA                                  | 6         | 40%     |
|                     | 3.Maahad Tahfiz                         | 3         | 20%     |
|                     | 4. SM Sains                             | 1         | 6.6%    |
|                     | 5.MRSM Ululalbab                        | 1         | 6.6%    |
| Tahun Pengajian     | 1. Satu                                 | 4         | 26.6%   |
|                     | 2. Dua                                  | 5         | 33.3%   |
|                     | 3. Tiga                                 | 3         | 20%     |
|                     | 4. Empat                                | 3         | 20%     |
| Penginapan          | 1. Kolej Kediaman                       | 12        | 80%     |
|                     | 2. Rumah Sewa                           | 3         | 20%     |
| Asal                | 1.Kelantan                              | 4         | 26.6%   |
|                     | 2.Terengganu                            | 3         | 20%     |
|                     | 3.Pahang                                | 2         | 13.3%   |
|                     | 4. Selangor                             | 2         | 13.3%   |
|                     | 5. Lain-Lain:-_____                     | 4         | 26.6%   |

Berdasarkan jadual di atas, responden lelaki lebih ramai jika dibandingkan dengan responden perempuan.

**JADUAL : PENCAPAIAN PELAJAR BERDASARKAN BILANGAN JUZUK**

| BIL | JUMLAH PELAJAR | PENCAPAIAN | PERATUS |
|-----|----------------|------------|---------|
| 1.  | 4              | 5 JUZ      | 26.6%   |
| 2.  | 1              | 4 JUZ      | 6.6%    |
| 3.  | 1              | 3 JUZ      | 6.6%    |
| 4.  | 6              | 2 JUZ      | 40%     |
| 5.  | 3              | 1 JUZ      | 20%     |

**JADUAL: PENCAPAIAN BERDASARKAN TAHUN PENGAJIAN**

| BIL | JUMLAH PELAJAR | JUZUK | TAHUN PENGAJIAN | PERATUS |
|-----|----------------|-------|-----------------|---------|
| 1.  | 2              | 5 JUZ | 2               | 33.3%   |
| 2.  | 1              | 5 JUZ | 3               | 16.6%   |
| 3.  | 1              | 5 JUZ | 1               | 16.6%   |
| 4.  | 1              | 4 JUZ | 3               | 16.6%   |
| 5.  | 1              | 3 JUZ | 1               | 16.6%   |

**JADUAL: PENCAPAIAN 5 JUZUK BERDASARKAN SEKOLAH TERDAHULU**

| BIL | JUMLAH PELAJAR | JUZUK | SEKOLAH TERDAHULU | PERATUS |
|-----|----------------|-------|-------------------|---------|
| 1.  | 2              | 5 JUZ | MAAHAD<br>TAHFIZ  | 50%     |
| 2.  | 2              | 5 JUZ | SMKA              | 50%     |

**JADUAL: PENCAPAIAN 5 JUZUK BERDASARKAN TEMPAT TINGGAL**

| BIL | JUMLAH PELAJAR | JUZUK | SEKOLAH TERDAHULU | PERATUS |
|-----|----------------|-------|-------------------|---------|
| 1.  | 3              | 5 JUZ | KOLEJ<br>KEDIAMAN | 75%     |
| 2.  | 1              | 5 JUZ | RUMAH<br>SEWA     | 25%     |

**JADUAL: RUMUSAN KEPUTUSAN KESELURUHAN PELAJAR**

| No | Bil Pelajar | Keterangan                |
|----|-------------|---------------------------|
| 1  | 4           | (Mumtaz) Sangat Cemerlang |
| 2  | 1           | (Jayidd Jiddan) Cemerlang |
| 3  | 7           | (Jayyid) Kepujian         |
| 4  | 3           | (Maqbul) Lulus            |
| 5  | 0           | (Rasib) Gagal             |

**CABARAN SEMASA PROGRAM ENGINEER HUFFAZ**

| <b>BIL</b> | <b>PENGURUSAAN</b>                     | <b>PELAJAR</b>                               |
|------------|--|--|
| 1          | Penjadualan kelas Tasmik dan tahfiz    | Kekangan jadual fakulti dan tahfiz ululalbab |
| 2          | Kekangan kolaborasi dengan Darul Quran | Faktor kolej kediaman dan penempatan luar    |
| 3          | Tenaga pengajar                        | Tiada asas program hafazan di sekolah        |
| 4          | Yuran pengajian tahfiz                 | Tiada penajaan                               |

**KESIMPULAN**

Rasulullah SAW merupakan suri teladan yang terbaik untuk diikuti dalam aspek hafazan. Baginda Nabi SAW bertadarus bersama malaikat Jibrail as setiap kali ramadan menjelang tiba (Abu Mazaayaa Al-Hafiz, 1996). Kesungguhan Baginda menghafal perlu dijadikan model dan panduan kepada generasi sekarang untuk ditiru dan diamalkan. Kelangsungan penghafazan quran ini diteruskan lagi oleh para sahabat Nabi. Generasi sahabat telah melakukan tajdid dengan menulis di dalam mashaf bagi menjaga kesucian dan ketulinan al-Quran. Di samping itu, antara sunnah Rasulullah yang sering diamalkan dan mungkin ramai yang telah melupakannya bahawa Rasulullah mula menghafal al-Quran ketika berusia 40 tahun. Jangka masa yang diambil adalah selama 22 tahun, 2 bulan 22 hari (Mohammad Asraff Ayob Al-Hafiz, 2011). Perkembangan landskap penghafalan al-Quran telah membuka ruang yang seluas-luasnya kepada sesiapa sahaja yang berhasrat untuk menceburinya dengan lebih serius. Penawaran kelas hafazan golongan dewasa boleh dilihat diserata tempat di kawasan kejiranan masing-masing. Walauapapun pekerjaan anda sekarang ini samada anda sebagai seorang jurutera, doktor, suri rumah, ahli perniagaan dan sebagainya, anda masih berpeluang untuk menjadi seorang hafiz yang mutqin pada masa akan datang dengan syarat anda mempunyai komitmen dan disiplin yang tinggi.

**RUJUKAN**

Abu Mazaayaa Al-Hafiz. (1996). Panduan Menghafal Al-Quran. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

Abdurrahman Lubis (2011). Tips Menghfal Al-Quran Bagi Profesional. Selangor: Pustaka Al-Ehsan.

Ahmad Asri Lubis Abu Samah (2010). Etika Belajar & Mengajar Al-Quran. Kuala Lumpur: Yamani Angle.

Ahmad khalid Allam Dr Ir. (2007). Al-Quran Dalam Keseimbangan Alam Dan Kehidupan. Jakarta:Gema Insani.

Amjad Qasim (2014). Menghafal Al-Quran Dalam Sebulan. Kuala Lumpur: Synergy Media.

Ibrahim Abdul Mu'nim Asy Syarbini. (2011). Cara Mudah Menghafal al-Quran. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.

Mohammad Asraff Ayob Al-Hafiz. (2011). Kaedah Jibril. Batu Cave, Selangor,Malaysia: PTS Darul Furqan Sdn.Bhd.

Md Ferdouse Khan (2007). What is Al-Quran. Malaysia: A.S. Noordeen.

Muhammad Zul Helmi (2011). Keajaiban Ayat Al-Kursi. Kuala Lumpur: Mulia Terang Sdn Bhd.

Muhammad Abdel Haleem (2006). Understanding The Quran Themes and Style.New York: I.B Tauris & co Ltd.

Mohd Yusuf Ahmad, PhD (2013). Pendidikan Al-Quran Kunci Menjiwai Kalam Tuhan.Selangor: PTS Darul Furqan Sdn Bhd.

Nawawi, Imam (2005). Tata-Tertib Pengajian Al-Quran (terj) Syed Ahmad Semat. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.

Noraien Mansor (2015). IQRA' Satu Perjalanan. Terengganu: Penerbit UMT

Nizam Abd Latib (2014). Beramal Dengan Ayat-Ayat Al-Quran. Selangor: A TO Z Media.

Rashidi Abbas. (2016). Anjakan Minda Huffaz Belia Malaysia. Kuantan, Pahang: Universiti Malaysia Pahang.

Rashidi Abbas, Jamal Rizal Razali, Muhammad Nubli Abd Wahab (2016). Anjakan Minda Huffaz Belia Malaysia. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang

Rashidi Abbas (2016). Hebatnya Kuasa Hafazan. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang (Manual)

Yusuf Al-Qaradhawi Dr Prof,(2000). Bagaimana Berinteraksi Dengan Al-Quran. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.

Zulkifli Mohamad Al-Bakri,PhD (2013). Hebatnya Kuasa Hafazan. Selangor: PTS Islamia Sdn.Bhd.